



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) mempelawa **warganegara Malaysia yang berkeelayakan** untuk mengemukakan permohonan bagi mengisi **dua (2) kekosongan jawatan kontrak** berikut:

JAWATAN: PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. Gred Jawatan	: Setara Gred F41
2. Gaji	: RM3,200.00 – RM4,000.00 (termasuk elaun). Penetapan gaji adalah tertakluk kepada kelayakan akademik dan pengalaman.
3. Penempatan	: Ibu Pejabat MTIB, Kuala Lumpur
4. Taraf Jawatan	: Kontrak
5. Tempoh Perkhidmatan	: 2 tahun (berdasarkan prestasi tahunan). a) Penyambungan kontrak akan dipertimbangkan berdasarkan kepada keperluan dan peraturan yang berkuatkuasa. b) Pemberian kemudahan cuti rehat, cuti sakit, caruman KWSP serta kemudahan lain yang disediakan organisasi dan tertakluk peraturan yang berkuatkuasa.
6. Deskripsi Tugas (Umum)	: Bertanggungjawab membantu Seksyen Teknologi Maklumat untuk mengkaji dan menganalisis sistem sedia ada, merekabentuk, membangun, melaksana, menyelenggara dan menaik taraf sistem serta memproses maklumat bersesuaian dengan kegunaan organisasi.
7. Syarat Kelayakan	a) Calon bagi lantikan ialah warganegara Malaysia . b) Calon bagi lantikan berumur 18 hingga 48 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; c) Calon bagi lantikan hendaklah sekurang-kurangnya memiliki kelayakan seperti berikut: Ijazah Sarjana Muda Kepujian atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Perisian atau Sains Komputer atau Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. Keutamaan diberikan kepada calon berkecenderungan dan memiliki ciri-ciri berikut:

a) PENTADBIRAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM (JAWATAN 1)

- (i) Pengalaman dalam bidang-bidang berikut merupakan satu **kelebihan**:
- Kemahiran asas sebagai **System Administrator**.
 - Pengalaman terlibat dalam pembangunan sistem menggunakan bahasa **pengaturcaraan / development tools** Java, PHP, Laravel Framework dan JasperReports.
 - Kemahiran pentadbiran pangkalan data (**Database Administrator**) PostgreSQL
- (ii) **Graduan baharu menamatkan pengajian** adalah digalakkan untuk memohon.

b) PENGURUSAN PROJEK DAN PEMBANGUNAN SISTEM (JAWATAN 2)

- (i) **Berpengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun** dalam pengurusan projek, pembangunan, penyelenggaraan atau pentadbiran sistem aplikasi;
- (ii) **Pemegang sijil profesional/bertauliah** dalam pengurusan projek, pembangunan dan pentadbiran sistem **merupakan satu kelebihan**. (Contoh: *System Administrator, Database Administrator (DBA), Requirement Engineering/ Business Analyst, Certified Tester, System Development, Information Security, IT Service Management/Web/Mobile Development, Data Science/Analytics, Server Virtualization*).
- c) Mempunyai **minat untuk meningkatkan pengetahuan** dan memiliki daya pemikiran **analitikal dan kreatif**.
- d) Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan dengan pengawasan minimum serta menjalankan tugas organisasi seperti diarahkan penyelia dari semasa ke semasa;
- e) Bersedia bekerja lebih masa sekiranya diperlukan; dan menyiapkan tugas mengikut tarikh dan masa ditetapkan;
- f) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik; dan
- g) Mempunyai tahap **kesihatan yang baik**.

9. Prosedur Permohonan : a) Calon yang layak dan berminat boleh memuat turun Borang Permohonan Pegawai Kontrak melalui laman sesawang www.mtib.gov.my.
- b) Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara emel ke cfsit@mtib.gov.my atau dihantar secara serahan tangan/pos ke alamat seperti berikut:

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
Tingkat 14, Menara PGRM, No. 8 Jalan Pudu Ulu,
56100 Cheras, Kuala Lumpur

U/P:

Timbalan Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan
(Pengurusan Sumber Manusia)

- c) Permohonan hendaklah dimajukan seperti senarai semak dan **salinan sijil-sijil** yang disahkan seperti berikut:
- (i) Borang permohonan (berserta gambar berukuran passport)
 - (ii) *Curriculum Vitae* (CV)
 - (iii) Kad Pengenalan dan Surat Beranak;
 - (iv) Ijazah berserta transkrip dan Surat Akuan Pengiktirafan Ijazah/Diploma daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau JPA;
 - (v) Surat berhenti sekolah;
 - (vi) Sijil-sijil PMR, SPM, STPM atau setara yaang berkaitan;
 - (vii) Sijil-sijil profesional/ bertauliah dan lain-lain yang berkaitan.
- d) Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan: cfsit@mtib.gov.my atau 03-92822235-1288 (Puan Nurul Ain Mokhtar).
- e) Hanya calon yang disenarai pendek selepas tapisan pertama akan dijemput untuk menghadiri temuduga (termasuk ujian bertulis mengikut keperluan).
- f) Sekiranya tiada maklumbalas dalam masa dua (2) bulan dari tarikh tutup permohonan, calon adalah dianggap tidak berjaya.

10. Tarikh Tutup Permohonan : **27 Februari 2023 (Isnin)**